

Bina lencongan baru, dua kolam takungan dinaik taraf

Dua tindakan atasi banjir - Fuad

Oleh SITI AISHAH YUSOFF
kota@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 14 Dis. - Dua pelan akan dilaksanakan pada tahun depan yang dijangka dapat mengatasi masalah banjir di sekitar Kuala Lumpur terutama di Jalan Tun Razak, di sini.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Ahmad Fuad Ismail (**gambar**) berkata, pelan pertama ialah membina satu lencongan untuk mengalirkan air dari Sungai Bunus ke Tasik Ti-tiwangsa sebelum disalurkan ke Sungai Gombak.

"Perkara itu telah dipersetujui oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dan akan dibawa ke Mesyuarat Kabinet.

"Pelan kedua pula ialah menaik taraf dua kolam takungan di Air



Panas dan Setapak Jaya bernilai RM20 juta dalam masa terdekat ini. Kolam tersebut berfungsi untuk memperlahankan aliran air sungai yang memasuki Sungai Bunus," katanya di sini hari ini.

Beliau mengulas kejadian banjir kilat yang melanda beberapa kawasan di ibu negara semalam. Jalan Tun Razak yang berhampiran dengan Sungai Bunus paling teruk dinaiki air sehingga menyebabkan kenderaan tidak dapat bergerak.

Hujan lebat hampir tiga jam semalam sejak pukul 4.30 petang menyebabkan Jalan Tun Razak di hadapan Perpustakaan Negara dan beberapa jalan utama lain di ibu negara dinaiki air.

"Beberapa tindakan sedang dirancang ketika ini, khususnya di se-



Hujan lebat selama dua jam mengakibatkan banjir kilat di Jalan Tun Razak dan kesesakan lalu lintas di kedua-dua hujung semalam. UTUSAN/AMIR JAFAR

Ribuan kenderaan terperangkap dalam kesesakan semasa waktu puncak

Banjir kilat landa Kuala Lumpur

KERATAN akhbar *Utusan Malaysia* semalam.

kitar jalan Tun Razak kerana ia merupakan kawasan banjir yang terjejas teruk semalam," tambah beliau.

Katanya lagi, petugas Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) juga akan ditugaskan membersihkan perangkap sampah di setiap kawasan setiap hari.



SEKUMPULAN pelajar dipindahkan ke kawasan selamat di Jalan Semarak, Kuala Lumpur, semalam. - BERHARAA

Menurut beliau, banjir yang berlaku di Jalan Tun Razak semalam berpunca daripada hujan lebat sehingga hampir 200 meter persegi persaat sekali gus tidak dapat ditampung oleh Sungai Bunus.

"Dalam keadaan yang biasa ia dapat menerima 70 meter sahaja kerana Sungai Bunus ini akan me-

lalui di bawah Jalan Tun Razak dan jambatan yang ada di sana agak rendah, beberapa kaki sahaja (lebih) tinggi daripada paras Sungai Bunus.

"Jadi apabila taburan hujan meningkat sampai 200 meter persegi persaat memang akan menyebabkan berlaku banjir," katanya.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Kuala Lumpur, Mat Rahim Ismail menjelaskan kedua-dua pelan itu akan dilaksanakan bermula Januari depan.

"Pelan ini akan dilaksanakan bagi mengurangkan masalah banjir yang sedang dihadapi sekarang," katanya apabila dihubungi.

Beliau berkata, tahun ini menyaksikan beberapa kawasan dilanda banjir kilat yang teruk sebanyak empat kali tetapi kejadian semalam adalah yang paling buruk.

JPS, DBKL belanja RM1j atasi banjir

KUALA LUMPUR 14 Dis. - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sehingga kini sudah membelanjakan RM1 juta bagi mengatasi masalah banjir di sekitar ibu negara.



Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Datuk Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin (**gambar**) berkata, perbelanjaan itu adalah ba-

gi membina sistem lencongan banjir yang baru untuk menampung kapasiti air yang banyak.

Katanya, beliau menerima banyak pertanyaan mengenai banjir kilat yang melanda Kuala Lumpur semalam dan telah mendapatkan penerangan daripada JPS Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

“Saya difahamkan sistem lencongan banjir di kawasan berkenaan mampu menampung kapasiti air sebanyak 70 meter persegi persaat, manakala hujan pada 13 Disember telah mengalirkan sebanyak 200 meter persegi persaat.

“Perkara yang berlaku ini diklasifikasikan sebagai banjir yang akan berlaku sekali dalam masa 50 tahun,” katanya dalam laman Facebooknya hari ini.

Tambahnya, orang ramai boleh menghubungi Bilik Gerakan (Bencana Alam), Jabatan Penguatkuasaan DBKL yang beroperasi 24 jam di talian 03-4024 4424 dan 03-4026 7222 bagi sebarang makluman dan bantuan.

Lagi banjir kilat di ibu negara

KUALA LUMPUR 14 Dis. - Jika semalam hujan lebat berterusan menyebabkan beberapa laluan utama di ibu negara mengalami kesesakan akibat banjir kilat, hari ini masalah yang sama turut berlaku di Jalan Brunei, Pudu di sini.

Jalan itu dinaiki air sehingga 0.5 meter mengakibatkan beberapa kenderaan terperangkap dalam banjir selain beberapa buah premis dimasuki air.

Banjir kilat yang berlaku hampir dua jam itu turut menyebabkan kesesakan di beberapa laluan bermula di Jalan Hang Tuah sehingga persimpangan Jalan Pudu.

Difahamkan, banjir turut melanda Jalan Tun Razak, Jalan Sultan Ismail dan Jalan Raja Chulan.

Penolong Pengarah Bahagian Operasi Bomba Jabatan Bomba dan Penyelamat Kuala Lumpur, Azizan Ismail berkata, sepasukan anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat Hang Tuah dikerahkan ke tempat kejadian bagi memantau keadaan.

"Keadaan banjir dilaporkan dalam keadaan terkawal. Bagaimanapun, terdapat beberapa kenderaan terperangkap di laluan berkenaan," katanya ketika dihubungi Utusan Malaysia di sini hari ini.

Sementara itu, jurucakap Bilik Gerakan Bantuan dan Bencana Alam Dewan Bandaraya Kuala Lum-



BEBERAPA buah kenderaan meredah banjir kilat di Jalan Landak berhampiran Plaza Pudu, Kuala Lumpur, semalam.

- UTUSAN/ALI ISKANDAR

pur (DBKL) berkata, banjir kilat berlaku di jalan berkenaan dipercayai berpunca daripada longkang yang

tersumbat.

"Masalah ini menyebabkan jalan tersebut dinaiki air dari pukul 5.10

petang bagaimanapun keadaan terkawal memandangkan air semakin surut," katanya.